

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/05/1983

Mahathir gesa Bulan Sabit Merah tingkat mutu tugas

8/5/83

FEB MAY 1983

KUALA LUMPUR, 7 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa persatuan-persatuan Bulan Sabit Merah dan Palang Merah di rantau ini menilai semula keperluan dan keutamaan program mereka bagi meningkatkan lagi mutu tugas masing-masing terutamanya dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset.

Perdana Menteri berkata, persatuan-persatuan berkenaan hendaklah mengelakkan pengulangan program dan kegiatan yang sama sebaliknya memasukkan unsur-unsur pengurusan yang berkesan bagi memenuhi cabaran baru dalam tugas mereka.

Perdana Menteri berucap merasmikan Persidangan Kelima Pemimpin-Pemimpin Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dari Negara-Negara ASEAN bermula hari ini hingga 11 Mei ini di sini.

Beliau juga menggesa

pertubuhan-pertubuhan sukarela itu meneliti semula secara terperinci kegiatan-kegiatan mereka ekoran dari keadaan ekonomi yang wujud sekarang.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, menarik perhatian: kemajuan sains dan teknologi mendorong persatuan-persatuan berkenaan memainkan peranan baru dan lebih rumit lagi dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Kemajuan sains dan teknologi, katanya telah membawa kepada berbagai perubahan dalam bidang perubatan, perhubungan, pengangkutan, pembuatan senjata dan sebagainya.

Tetapi semasa kemajuan itu mengambil tempat terutamanya dalam bidang perubatan seperti penciptaan dadah baru dan pembuatan senjata-senjata baru, wujud pula

satu gejala penyalahgunaannya yang mendorong kepada berlakunya jenayah dan kekejaman.

"Keadaan inilah membawa pertubuhan-pertubuhan sukarela memainkan peranan baru dalam membantu masyarakat dunia", katanya.

Kemajuan-kemajuan yang dicapai, katanya tidak bermakna mengurangkan tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat seluruhnya.

Konflik politik dan ketenteraan yang berlaku di dunia mengakibatkan wujudnya pelarian-pelarian yang memerlukan perkhidmatan pertubuhan-pertubuhan sukarela termasuk Persatuan Bulan Sabit Merah dan Palang Merah.

"Sumbangan kita kepada mereka yang menderita seharusnya dijadikan sebagai satu penghargaan yang akan mendorong semua anggota berusaha meningkatkan peranan mereka,"

tegas beliau.

Beliau juga mensifatkan persidangan itu sebagai satu gambaran hubungan dan rasa tanggungjawab negara-negara ASEAN pada peringkat masyarakatnya sendiri dalam mengatasi semua bentuk masalah yang timbul.

Sementara itu, Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia, Tunku Tan Sri Mohamad Tunku Besar Burhanuddin menggesa persatuan-persatuan berkenaan sensitif kepada masalah-masalah yang wujud termasuk masalah-masalah yang wujud sekarang seperti penyalahgunaan dadah, pencemaran alam sekitar hinggalah kepada isu-isu yang mewujudkan konflik ketenteraan di rantau ASEAN.

Lima buah negara anggota ASEAN menghantar perwakilan masing-masing termasuk pemerhati dari Jepun dan Brunei ke persidangan tersebut.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YATSIAN KEIMPINAN PERDANA